

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM TIGA [3] MUKA SURAT.

Jawab TIGA [3] soalan. SOALAN NO. 1 daripada Bahagian A MESTI dijawab dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Asingkan kertas jawapan antara Bahagian A dan B.

BAHAGIAN A - SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab

1. (a) Al-Qur'an adalah kitab hidayah yang telah diwahyukan kepada Rasul Allah s.a.w. Antara isi kandungannya menuntut setiap umat agar beriman kepada Allah s.w.t. Bagaimanapun isi kandungannya berhajat kepada penganalisaan yang terperinci dari al-Sunnah. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan:

Bahawa al-Qur'an berjaya membentuk suatu peradaban yang tinggi bagi menggantikan peradaban jahiliyyah yang di belenggu oleh adat dan tradisi.

- (b)
- i. Berikan ta'rif al-Qur'an serta huraikan secara terperinci.
 - ii. Apakah fungsi al-Qur'an?
 - iii. Berikan ta'rif al-Sunnah serta huraikan secara terperinci.
 - iv. Apakah fungsi al-Sunnah.

BAHAGIAN B - Pilih DUA [2] soalan

2. Iman dan Islam adalah dua istilah terpenting dalam konteks aqidah Islam. Kesepadan antara keduanya sering dihubungkan dengan sikap ketundukan dan ketaatan seseorang kepada Allah. Berdasar pernyataan ini, bincangkan dua [2] daripada perkara berikut:

- (a) Hakikat Iman dan Islam yang dikehendaki oleh al-Qur'an dan al-Sunnah.
- (b) Hubungan antara 'aqidah yang haq dengan politik kenegaraan.
- (c) Islam sebagai Din al-Fitrah.

3. Bincangkan dua daripada perkara berikut:

- (a) Beberapa aspek tentang solat fardu dan hubungannya dengan pembinaan akhlak.
- (b) Zakat sebagai salah satu institusi kewangan Islam
- (c) Beberapa aspek tentang perkahwinan di dalam Islam.

4. Perbezaan pendapat antara para'ulama di bidang 'aqidah dihubungkaitkan dengan sebuah hadith Rasul Allah s.a.w. yang bermaksud.

"Akan berpecah umatku kepada tujuh puluh tiga golongan, kesemuanya di dalam neraka, kecuali satu, maka para sahabat bertanya, siapakah mereka itu wahai Rasul Allah? Baginda menjawab." Mereka ialah ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah"(Hadith riwayat al-Turmizi)

Berdasarkan maksud hadith ini terdapat beberapa golongan yang dikaitkan dengan tujuh puluh tiga golongan itu, antara golongan yang disebut-sebut oleh para'ulama Islam ialah Syi'ah, Khawarij dan ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah. Bincangkan perbezaan faham antara ketiga golongan tersebut dari beberapa sudut yang anda ketahui.

5. Allah s.w.t. berfirman:

Maksudnya "Sesungguhnya Kami (Allah) menciptakan kamu lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak adalah untuk berkenal-kenalan, sesungguhnya semulia-mulia, di sisi Allah ialah kamu yang paling bertaqwa" (Q:49,13).

Berdasarkan maksud firman Allah di atas bincangkan dua [2] daripada perkara berikut:

- (a) Islam adalah al-Din yang mengamalkan konsep kesatuan ummah dan menolak sebarang diskriminasi bangsa dan golongan.
- (b) Islam adalah al-Din yang menghormati nilai-nilai sosial yang sesuai dengan keperluan syari'ah.
- (c) Perkenalan antara pelbagai golongan adalah dibenarkan oleh Islam, di antara batas-batas sosial yang perlu dijaga oleh lelaki dan wanita Islam ialah aurat.

-ooooO00oooo-